



KONSEP RAYUAN MENURUT UNDANG-UNDANG  
SIVIL, PERBANDINGANNYA DENGAN UNDANG-  
UNDANG ISLAM SERTA KAJIAN BEBERAPA  
KES DI NEGERI KELANTAN.

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY LIBRARY	
ORDER NO: 67/ET	LOCATION:
DATE RECEIVED: 6/9/92	M.
ACC. NO: 128758	
CALL NO:	

MOHD RAHIM BIN HJ. ABDULLAH

KULLIYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
PETALING JAYA, SELANGOR.

DONATED TO THE LIBRARY OF  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY  
BY

THE ROLLYAH OF LACUD

P.F.

Date Received : 6/7/92

## DECLARATION OF AUTHOR'S RIGHTS

The copyright of this thesis belongs to the author under the terms of the Copyright Act, 1987 (Act 332). Due acknowledgement must always be made of the use of any material contained in, or derived from this thesis.

t  
KPG  
8351.2  
M95 2 6 K  
1992

KONSEP RAYUAN MENURUT UNDANG-UNDANG  
SIVIL, PERBANDINGANNYA DENGAN UNDANG-  
UNDANG ISLAM SERTA KAJIAN BEBERAPA  
KES DI NEGERI KELANTAN.

MOHD RAHIM BIN HJ. ABDULLAH  
(NO. MATRIK : G901372)

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT  
UNTUK MEMPEROLEHI DIPLOMA UNDANG-UNDANG  
DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM.

KULLIYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
PETALING JAYA, SELANGOR.

Ku Abadikan Sumbangan Yang Kecil ini khusus Untuk  
Kenangan:

Ayahandaku,

Haji Abdullah bin Ali  
Yang sentiasa mendoakan dan memberi  
galakan atas kejayaanku dalam bidang  
ini.

Bondaku,

Hajjah Fatimah bt. Samat  
Yang sememangnya sabar menunggu  
tamatnya pengajian ini.

Isteriku,

Kerana pengorbanan, kesabaran  
dan kejujuranmu.

Anak-anakku,

Faizal, Aziatun, Tarmizi, Fahimee dan Hanani  
Yang sesungguhnya telah banyak berkorban  
untuk kejayaan Abah yang amat berharga ini  
demi menempuh masa depan yang lebih cerah  
dan gemilang lagi.Semoga kalian mengikut  
jejak Abah.

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri, kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya."

24/5/92

Tarikh

Mohd Rahim

Mohd Rahim b. Hj. Abdullah

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah, Tuhan pencipta sekelian alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w., para sahabat serta muslimin dan muslimat sekelian. Syukur alhamdulillah kerana dengan izin Allah dan hidayatNya telah memberi kesihatan, kekuatan dan keazaman kepada penulis menamatkan kursus DAIJ dan menyiapkan kajian yang diamanahkan ini.

Dalam kesempatan yang berharga ini, penulis merakamkan setinggi-tinggi perhargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Prof. Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, selaku penyelia latihan ilmiah ini yang sudi melapangkan masa memberikan bimbingan, tunjukajar, nasihat dan teguran kepada penulis untuk menyelesaikannya. Dan tidak lupa kepada seluruh tenaga pengajar kursus DAIJ ini teristimewa kepada Ustaz Hj. Mohamed Hj. Abu Bakar yang sememangnya memberi tunjukajar, kata nasihat dan semangat untuk terus menikmati kejayaan yang begitu bermakna ini. Semoga Allah sahajalah yang akan membalaunya.

Setinggi-tinggi terima kasih kepada bekas Ketua Pengarah Pusat Islam, Y.B. Dato' Dr. Ab. Hamid Othman yang sentiasa memberi dorongan dan semangat untuk penulis meneruskan bidang pengajian yang khusus ini. Juga tidak lupa kepada Ketua Pengarah Pusat Islam sekarang Yang Berbahagia, Tuan Haji Zainal Abidin Hj.

Abdul Kadir yang sentiasa mengambil berat tentang kursus ini, juga kepada Tuan Hj. Othman Sipol pegawai yang bertanggungjawab tentang perjalanan kursus ini sepanjang dua tahun. Tidak lupa juga kepada Pihak JPA yang telah banyak memberi sumbangan kewangan kepada penulis selama tempoh pengajian hingga tamat. Semoga sumbangan bantuan dan jasa kalian dibalas oleh Allah s.w.t.

Akhirnya, buat teman DAIJ, Brahim, Goffar, Wawi, Fakru, Syakir, Ripen, Wan Z, Medi, Khalid dan Khaldun semoga kenangan bersama kalian sepanjang berada di UIA, selama dua tahun, akan tetap terukir dalam sejarah hidup penulis. Semoga kita semua berjaya dalam kerjaya ini. Insya Allah.

Salam hormat

Mohd Rahim b. Hj. Abdullah  
12, Kampung Tanah Merah,  
Kerandang,  
22000 Jertih,  
Terengganu.

## SINOPSIS

Keseluruhannya, latihan ilmiah ini membincangkan prosedur perbicaraan dan rayuan jenayah antara undang-undang sivil dan Islam. Perbincangan ditumpukan kepada perbezaan di antara konsep rayuan menurut undang-undang sivil dan perbandingan dengan undang-undang Islam. Bab I latihan ilmiah ini meninjau prosedur perbicaraan jenayah secara langsung di dalam mahkamah daripada awal hingga akhir iaitu keputusan hakim yang berdasarkan kepada keterangan-keterangan kedua-dua pihak. Bab II penulis,uraian tertumpu kepada acara sebelum keputusan dibuat dan diterangkan definasi keputusan itu mengikut undang-undang Sivil dan Islam. Manakala dalam Bab III pula penulis menghuraikan definasi rayuan, siapa yang boleh merayu serta keadaan-keadaan yang membolehkan rayuan dibuat bagi menyemak semula keputusan hakim yang membicarakan kes tersebut. Dalam Bab IV, penulis menjuruskan perbincangan tentang pengenalan Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan, bidang kuasanya dan beberapa kes rayuan yang dibicarakan di mahkamah itu, serta hukuman yang ditetapkan mengikut Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan, 9/1983.

## KANDUNGAN

PENGAKUAN .....	i
PENGHARGAAN .....	ii-iii
SINOPSIS .....	iv
JADUAL KANDUNGAN .....	v-x
SENARAI STATUT .....	xi-xii

## BAB I

### PROSEDUR PERBICARAAN, MENURUT UNDANG-UNDANG SIVIL DAN ISLAM.

#### 1. PENGENALAN

1.1. Konsep Perbicaraan Menurut Undang-undang Sivil dan Islam .....	3
1.2. Menurut Undang-undang Islam .....	6

#### 2. PROSEDUR MEMBAWA TERTUDUH KE MAHKAMAH

2.1 Menurut Undang-undang Sivil .....	9
2.1.a Tangkap Tanpa Waran .....	10
2.1.b Tangkap Dengan Waran .....	10
2.1.c Saman .....	11
2.1 Menurut Undang-undang Islam .....	12
2.1.a Surat Saman .....	14
2.1.b Waran Tangkap .....	16

3.	PROSEDUR MEMULAKAN PERBICARAAN
3.1	Menurut Undang-undang Sivil ..... 18
3.1.a	Pemeriksaan Aduan ..... 19
3.1.b	Siasatan Awal ..... 20
3.2	Menurut Undang-undang Islam ..... 20
3.2.a	Aduan Kepada Hakim ..... 20
4.	PERBICARAAN
4.1	Menurut Undang-undang Sivil ..... 22
4.2	Menurut Undang-undang Islam ..... 25
5.	PEMBUKAAN KES OLEH PENDAKWA
5.1	Menurut Undang-undang Sivil ..... 28
5.1	Menurut Undang-undang Islam ..... 30
6.	PEMERIKSAAN SAKSI
6.1	Menurut Undang-undang Sivil ..... 34
6.1.a	Pemeriksaan Utama ..... 35
6.1.b	Pemeriksaan Balas ..... 37
6.1.c	Pemeriksaan Semula ..... 39
6.2	Menurut Undang-undang Islam ..... 41
6.2.a	Pemeriksaan Utama ..... 41
6.2.b	Pemeriksaan Balas ..... 43
6.2.c	Pemeriksaan Semula ..... 45

7.	PEMERIKSAAN OLEH HAKIM	
7.1	Menurut Undang-undang Sivil .....	50
7.2	Menurut Undang-undang Islam .....	51
8.	WUJUD PRIMA FACIE ATAU TIDAK DALAM KES PENDAKWA	
8.1	Menurut Undang-undang Sivil .....	52
8.2	Menurut Undang-undang Islam .....	55
9.	PEMBELA MEMBUKA KES	
9.1	Menurut Undang-undang Sivil .....	56
9.2	Menurut Undang-undang Islam .....	59
10.	PENGGULUNGAN KES	
10.1	Menurut Undang-undang Sivil .....	60
10.2	Menurut Undang-undang Islam .....	61

## BAB II

HUKUMAN DAN MATLAMAT SESUATU HUKUMAN MENURUT UNDANG-UNDANG SIVIL DAN ISLAM.

1.	PROSEDUR SEBELUM SESUATU KEPUTUSAN DIPUTUSKAN	
1.1	Menurut Undang-undang Sivil .....	63
1.2	Menurut Undang-undang Islam .....	61

2. KEPUTUSAN

2.1	Menurut Undang-undang Sivil .....	73
2.2	Menurut Undang-undang Islam .....	78

3. MATLAMAT SESUATU HUKUMAN

3.1	Menurut Undang-undang Sivil .....	86
3.1.a	Pembalasan .....	87
3.1.b	Pencegahan .....	88
3.1.c	Pemulihan .....	91
3.2	Menurut Undang-undang Islam .....	92
3.2.a	Pencegahan .....	94
3.2.b	Pembalasan .....	96
3.2.c	Pemulihan .....	98

BAB III

RAYUAN MENURUT UNDANG-UNDANG SIVIL DAN ISLAM

1. KONSEP RAYUAN

1.1	Menurut Undang-undang Sivil .....	99
1.2	Menurut Undang-undang Islam .....	101

2.	SIAPA YANG BOLEH MERAYU	
2.1	Menurut Undang-undang Sivil .....	103
2.1.a	Pihak tertuduh .....	104
2.1.b	Pihak pendakwa .....	107
2.1	Menurut Undang-undang Islam .....	109
2.2.a	Rayuan Terhadap Hukuman .....	109
3.	ASAS-ASAS YANG MEMBOLEHKAN RAYUAN	
3.1	Menurut Undang-undang Sivil .....	110
3.1.a	Rayuan Dari Segi Persoalan Undang-Undang .....	110
3.1.b	Rayuan Dari Segi Persoalan Fakta ....	112
3.1.c	Salahlaksana Keadilan Melalui Budibicara Hakim .....	113
3.1	Menurut Undang-undang Islam .....	114
4.	PROSEDUR RAYUAN JENAYAH	
4.1	Menurut Undang-undang Sivil .....	117
4.1.a	Rayuan Jenayah ke Mahkamah Tinggi ...	117
4.1.b	Rayuan Jenayah ke Mahkamah Agung ....	120
4.2	Menurut Undang-undang Islam .....	123
4.2.a	Rayuan Jenayah ke Mahkamah Syariah ...	125

## BAB IV

### MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH NEGERI KELANTAN DAN BEBERAPA KES RAYUAN YANG DIBICARAKAN.

#### 1. PENGENALAN

1.1	Bidangkuasa Mahkamah Rayuan .....	129
1.2	Bidangkuasa Mahkamah Rayuan Syariah ..	131
2.	Kes-kes Yang Dibicarakan Di Mahkamah Rayuan Syariah .....	136
2.1	Kes Khalwat, Muqaddimah Zina dan Zina.	137
2.1	Kes Ajaran Sesat .....	148
2.3	Kes Takfir dan Melafazkan Perkataan Yang Menyebabkan Terkeju dan Terhina.	
	Agama Islam .....	153
2.4	Kes Tuntutan Harta Sepencarian .....	159

#### PENUTUP

#### BIBLIOGRAFI

#### LAMPIRAN

SENARAI STATUT

Akta Mahkamah Kehakiman, 1964 (Semakan 1972)

Akta Tafsiran 1967 (Akta No. 23/ 1967.

Act of Parliament No. 612 of 1985, Muslim Courts  
(Criminal Jurisdiction P.U. (b) 600/85.

Akta Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, 1984.

Akta Dadah Merbahaya, 1952.

Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960.

Akta Keterangan, 1950.

Akta Mahkamah Kehakiman, 1964.

Akta Mahkamah Rendah, 1948.

Akta Mencegah Rasuah, 1961.

Akta Mahkamah Keadilan, 1964.

Akta Polis, 1967.

Akta Senjata Api, 1960.

Enakmen Pentadbiran mahkamah Syariah Negeri Kelantan,  
3/1982.

Enakmen Acara Jenayah Syariah, Kedah, Bil. 3, 1989.

Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan, 9/1983.

Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1/1983.

Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan.

Enakmen Keluarga Islam Melaka 8/1983.

Undang-undang Mahkamah Syariah dan Hal Ehwal Perkahwinan Islam 1/66.

Kanun Acara Jenayah (F.M.S. Cap. 6)

Kanun Kesiksaan (N.M.B. Bab 45)

Kanun Acara Jenayah Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, 1987.

Kaedah Mahkamah Agung, 1980.

Ordinan Keadilan Jenayah, 1953.

Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Hingga 15hb. April 1987)

## BAB I

### Prosedur Perbicaraan, Menurut Undang-Undang

#### Sivil dan Islam

##### PENGENALAN

Mahkamah adalah sebuah badan yang bertanggungjawab untuk menjalankan tugas keadilan dan penghakiman. Ia merupakan sebuah institusi yang amat penting di dalam sesebuah negara untuk menegakkan keadilan tersebut. Keadilan menurut perspektif Islam ialah keadilan mutlak dengan memberi hak kepada yang berhak. Hukum syarak akan dapat dilaksanakan dengan wujudnya institusi kehakiman ini dan keadilan bagi pihak-pihak yang berbalah dapat diselesaikan. Dengan ini bererti Al-Qadha' adalah menyolehakan perbalahan di antara dua pihak dengan hukum Allah.<sup>1</sup> Ini bererti memutuskan hukum di antara manusia dengan benar mengikut apa yang diturunkan oleh Allah.<sup>2</sup>

Dalam ayat yang lain pula Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ هُمْ نَفِقْهُوا كُونُوا قَوْمٌ بِالْقُسْطِ شَهِدُوا لَهُ  
وَلَوْ عَلَى أَنفُسِكُمْ أَوْ الْوَالِدِينَ وَالْأَخْرَيْنَ إِنْ يَكُنْ خَيْرًا  
أَوْ فَقِيرًا فَإِنَّهُ أَوْلَى بِهَا فَلَا تَتَبَعُوا الْهُوَلَةَ إِنْ تَعْلَمُوا  
وَإِنْ تَلُوْهُ أَوْ تَعْرَضُوهَا فَإِنَّهُ كَانَ بِمَا تَحْمِلُونَ خَيْرًا<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Al-Khatib, Mohamad al-Sharbini, Mughni Al-Muhtaj Juz 4, Mesir: Matbaah Mustaffa Al-babi Al-halabi, 1377H/1958M.

<sup>2</sup> Al-Qur'an, al-Maidah 5:8, 5:49, al-Nisa' 4:58, al-A'raf 7:29, al-Nahl 16:90, al-Talak 65:2, al-Hadid 67:25.

<sup>3</sup> Al-Qur'an, al-Nisa' 4:135.

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan lagi menjadi saksi (yang menegakkan kebenaran) kerana Allah sendiri atau ibubapa dan kaum kerabat kamu kalau orang (yang mendakwa) itu kaya atau miskin, maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbangrasa, kerana Allah lebih bertimbangrasa kepada keduanya. Oleh itu janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng daripada keadilan. Dan jika kamu memutarbelitkan keterangan atau enggan daripada menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui akan apa yang kamu lakukan.

Dalam ayat di atas Allah s.w.t. dengan tegas menyuruh kita menjadi orang yang sentiasa menegakkan keadilan, menjadi saksi kepada kebenaran walaupun terhadap diri, ibubapa dan kaum kerabat kita. Dengan ini jelaslah institusi kehakiman ('wilayah Al-Qadha') mempunyai peranan yang lebih luas lagi menyelesaikan tuntutan, mendamaikan pergaduhan dan mengatasi persengketaan di antara dua pihak atau lebih melalui proses undang-undang, di mana hakim adalah orang yang bertanggungjawab untuk memutuskan perbalahan itu

mengikut hukum syarak.

Untuk menjelaskan lagi mengenai aspek-aspek prosedur dalam perbicaraan yang melibatkan seorang hakim dan seterusnya yang melibatkan soal-soal rayuan dalam sesuatu kes, maka dalam bahagian ini penulis akan cuba memperlihatkan bagaimana prosedur perbicaraan menurut undang-undang sivil dan Islam dijalankan.

#### 1.1 Konsep Perbicaraan Menurut Undang-undang Sivil

Sebenarnya tiada pengertian yang khusus bagi menanggapi maksud perbicaraan ini kerana ia merangkumi beberapa peringkat atau aspek di mana kesemuanya itu berhubung kait antara satu sama lain.

Menurut Henry Campbell Black, perbicaraan adalah satu pemeriksaan kehakiman menurut kesesuaian undang-undang sesuatu tempat itu, mengenai satu-satu akibat sama ada dari segi sivil ataupun jenayah, di antara pihak-pihak yang tertentu, sebelum mahkamah yang mempunyai bidang kuasa ke atas memutuskannya.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Henry Campbell Black, Black's Law Dictionary, 4th Edition (Great Britain : M.A. West Publishing Co., 1968), hlm 1675.

Perbicaraan juga didefinasikan sebagai satu pemeriksaan oleh hakim atau hakim dan juri terhadap isu-isu yang dikemukakan di dalam perjalanan prosedur kehakiman. Isu juga biasanya isu sesuatu fakta tetapi kemungkinan ia juga mengandungi isu undang-undang. Perbicaraan ini adalah untuk mencari sama ada bersalah atau tidaknya pihak yang tertuduh di atas dakwaan jenayah <sup>1</sup> terhadapnya.

Selain daripada itu, ia juga bermaksud perbicaraan bagi sesuatu sebab sama ada sivil atau jenayah sebelum sesuatu keputusan dibuat oleh seseorang hakim melalui bidangkuasanya, menurut kesesuaian undang-undang di sesebuah tempat itu. Perbicaraan juga ialah untuk mencari sesuatu kebenaran di dalam sesuatu isu atau persoalan di antara dua pihak melalui pemeriksaan yang wajar. Setelah itu sesuatu keputusan akan diberi.<sup>2</sup>

Setiap individu yang dituduh atas kesalahan yang boleh membawa kepada hukuman, ia mempunyai hak dianggap sebagai "tidak bersalah" sehingga dibuktikan "bersalah" melalui perbicaraan di mana ia berhak akan segala keperluan bagi pembelaannya. Ia berhak kepada kesaksamaan di dalam perbicaraan oleh badan kehakiman

<sup>1</sup> Max Radin, Radin Law Dictionary, 2nd Edition (United States of America: Ocean Publication & Inc., 1970) hlm. 19.

<sup>2</sup> Earl Jowitt and Clifford Walsh, Jowitt's Dictionary of English Law (London : Sweet Maxwell Ltd., 1975), hlm 1805.

yang adil dan bebas. Perbicaraan yang adil ini adalah asas yang penting bagi sesuatu proses undang-undang.<sup>1</sup>

Melalui perbicaraan, isu dan fakta undang-undang akan diambilkira oleh kedua-dua pihak sama ada pendakwa atau pembela (tertuduh). Mereka akan diberi peluang sepenuhnya untuk mengemukakan hujah-hujah masing-masing. Kemudian hakim akan mengumumkan keputusan sama ada seseorang itu benar-benar bersalah atau tidak.<sup>2</sup> Sebarang perbicaraan yang tidak memuaskan pihak mahkamah di mana boleh menimbulkan keraguan akan ditangguhkan kerana ia melibatkan kepentingan awam.<sup>3</sup>

Oleh yang demikian, matlamat utama sesuatu perbicaraan itu ialah untuk mencari kebenaran dan melindungi kebebasan individu. Kedua-dua matlamat ini saling bergandingan antara satu sama lain dan mestilah mencapai perseimbangan antara kedua-duanya.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Jagadish Swarup, Human Rights and Fundamental Freedoms (Bombay: H.M. Tripathi Private Ltd., 1975), hlm. 80.

<sup>2</sup> Henry J. Abraham, The Judicial Process, 3rd Edition (New York : Oxford Univ. Press, 1975) hlm. 96.

<sup>3</sup> Public Prosecutor v. Semban (1976) 1 M.L.J. 91.

<sup>4</sup> Martin L. Friedland, Courts and Trials : A Multi Disciplinary Approach (Canada : Univ. of Toronto Press, 1975), hlm. 4.

## 1.2 Menurut Undang-undang Islam

Perbicaraan dalam bahasa Arab ialah - "Muhakamat"<sup>1</sup> ( محاكمة ) dan - "Nazar al Da'wa"<sup>2</sup> ( نظر الدعوى ). Di dalam perundangan Islam, perkataan "Perbicaraan" selalunya disebut dengan - "al-Qada" ( القضاة ). Perkataan ini dapat dilihat dari dua aspek bahasa dan aspek istilah.

### (i) Aspek Bahasa

Dari aspek bahasa, "al-Qada" mempunyai banyak makna, antaranya ialah:

- (a) perintah atau mewajibkan seperti firman Allah:

<sup>3</sup> وقضى ربكم لا تعبدوا إلا إياه

yang bermaksud : "Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain dari dia"

- (b) memutuskan hukum, seperti dalam firman Allah:

وإله يقضى بالحق <sup>4</sup>

<sup>1</sup> Harith Sulaiman Faruqi, Faruqi's Law Dictionary, English Arabic 2nd Edition (Lebanon: F. Biban & Co. Press Jounieh, 1970M), hlm. 705.

<sup>2</sup> Elias A. Elias & Ed. E. Elias, Elias Modern Dictionary-English Arabic, Fifteenth (Kahiran : Elias Modern Press, 1968, hlm. 747).

<sup>3</sup> Al-Qur'an. Surah al-Isra', 17:23.

<sup>4</sup> Al-Qur'an Surah al-Mu'min, 24:30.

bermaksud:

"Dan Allah telah memutuskan dengan adil."

- (c) mengakhiri, seperti firman Allah:

1

*قضى زيد منها وطرا زوجته*

bermaksud :

"Maka tatkala Zaid telah mengakhiri keperluan terhadap isterinya (menceraikannya) kami kahwinkan kamu dengan dia."

- (ii) Aspek Istilah

Para fuqaha' telah mengeluarkan berbagai pendapat dalam menerangkan istilah "al-Qada'", antaranya ialah:

- (a) Kebanyakan 'ulama' dalam mazhab Shafi'i mentakrifkan "al-Qada'" ialah menyelesaikan pertikaian di antara dua orang atau lebih dengan hukum Allah s.a.w. <sup>2</sup>
- (b) Para fuqaha' dari Mazhab Hanafi mentakrifkan bahawa al-Qada' ialah menyelesaikan kes-kes perkelahian dan memutuskan pertikaian.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Al-Qur'an, Surah al-Ahzab, 33: 37

<sup>2</sup> Shams al-Din Muhamad bin Ahmad ak-Khatib al-Sharbini, Mughni al-Muhtaj, 4 juzu' (Qahirah: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1958M/1378H), 4:362.

<sup>3</sup> Muhamad Amin bin 'Umar 'Abidin, Hashiah Radd al-Mukhtar Ala al-Durrat Mukhtar, 8 juzu' (Qahirah: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, 1966M/1386H), 5:352.